

Komanwel kini pertubuhan paling berjaya - Mahathir

MAR 13 MAR 1990

KUALA LUMPUR 12 Mac — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Komanwel yang ada hari ini diiktiraf sebagai salah sebuah pertubuhan yang paling berjaya sehingga keputusan-keputusan yang dibuatnya diterima dengan baik di dalam dan luar Komanwel.

Ekoran daripada perkembangan positif itu, katanya, beberapa negara telahpun menyuarakan hasrat mereka untuk menganggotai Komanwel.

"Komanwel hari ini telah berjaya mengikis banyak sikap negatif lama dan menerima program-program yang mencerminkan aspirasi negara-negara ahlinya termasuk negara-negara membangun," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata demikian di majlis makan tengah hari sempena Hari Komanwel 1990 di Rumah Komanwel di sini hari ini. Turut hadir di majlis itu ialah Presiden Persatuan Komanwel Diraja (RCS), Tan Sri Mohd. Khir Johari dan Naib Presidennya, Tan Sri V.M. Hutson.

Majlis anjuran RCS itu dihadiri oleh kira-kira 200

tetamu khas yang terdiri daripada Pesuruhjaya - Pesuruhjaya Tinggi di sini dan wakil-wakil mereka serta isteri.

Di majlis itu juga, Perdana Menteri telah diterima menjadi ahli seumur hidup RCS.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa Malaysia akan terus aktif dalam Komanwel dan terus bekerja rapat dengan negara-negara ahli pertubuhan itu demi kebajikan bersama.

Menurutnya, negara ini bersedia berkongsi kepakaran dan pengalaman dengan mana-mana ahli negara Komanwel dan negara-ne-

gara luar Komanwel meskipun Malaysia hanyalah sebuah negara membangun yang kecil.

"Kalau dulu, Komanwel hanyalah sebuah forum antara bekas negara penjajah dengan negara-negara yang dijajah, tetapi kini mesyuarat Komanwel adalah pertemuan ketua-ketua negara yang setaraf yang mempunyai persamaan idea dan aspirasi dalam banyak perkara," tambah beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang telah dilantik sebagai Pengerusi dan Penyelaras Jawatankuasa Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) juga menegaskan, Malaysia gembira dengan perubahan sikap yang berlaku dalam Komanwel yang menjadikannya sebuah pertubuhan yang lebih jitu dan dinamik.

"Komanwel hari ini berjaya mengikis banyak sikap negatif lama dan menerima program-program yang mencerminkan aspirasi negara-negara ahlinya terutamanya negara-negara membangun.

"Jika boleh saya katakan, keputusan-keputusan yang dibuat oleh Komanwel kini diterima sebagai kepu-

tusan yang penting di luar pertubuhan itu sendiri. Dan beberapa negara telahpun menyuarakan keinginan mereka untuk menjadi ahli," jelasnya.

Katanya, sebelum ini, walaupun terdapat kerjasama antara negara-negara ahli dalam Komanwel khususnya dalam Rancangan Colombo dan Tabung Komanwel untuk kerjasama teknikal, dalam isu-isu besar ekonomi dan politik dunia, pendapat Komanwel sangat berbeza dan tidak berkesan.

Apa yang paling menyedihkan ialah negara-negara ahli yang lebih maju tidak peka dengan rayuan dan penderitaan negara-negara ahli yang tidak maju yang menghadapi masalah, kata beliau lagi.

"Bagaimanapun, perkara ini tidak berlaku lagi. Sikap dan keadaan telah berubah. Negara-negara ahli yang maju telah menyedari hakikat bahawa mereka mempunyai tanggungjawab moral untuk membantu ahli-ahli yang kurang maju," ujar Perdana Menteri.

Sementara itu, dalam kata-kata alu-aluannya, Tan Sri Khir mengucapkan tahniah kepada Dato' Sri Dr. Mahathir kerana berjaya menjadi tuan rumah CHOGM yang terbesar Oktober tahun lalu.

Tan Sri Khir juga mengucapkan syabas kepada Perdana Menteri kerana telah dijemput untuk berjumpa dengan pemimpin kulit hitam Afrika Selatan, Nelson Mandela yang baru dibebaskan bulan lalu.